

Utamakan sistem maklumat: PM

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta agensi kerajaan mengutamakan usaha mewujudkan infrastruktur maklumat yang mantap sebagai landasan ke arah pembangunan cemerlang.

Perdana Menteri berkata, agensi kerajaan harus melaksanakan usaha itu secara berterusan di samping mewujudkan budaya pengurusan maklumat yang teratur dan sistematik.

Menurutnya, aliran maklumat kini melampaui sempadan negara dan memerlukan keupayaan bertindak secara pantas dan berkesan selaras perubahan dalam perdagangan serta pelaburan dunia.

Sebagai permulaan, katanya, usaha kerajaan melancarkan sistem komputer, Rangkaian Perkhidmatan Awam (CSL) adalah satu lagi tanda pencapaian cemerlang dalam penggunaan teknologi maklumat (IT).

"Sebelum ini, maklumat kerajaan disimpan di pelbagai agensi dalam bentuk yang berbeza menyebabkan sektor swasta dan orang ramai terpaksa berurusan dengan semua agensi sehingga menimbulkan pembaziran masa, wang dan tenaga.

"Justeru itu, saya berharap CSL mendapat pengiktirafan sektor swasta dan orang ramai terutama dalam jangka panjang. Ini juga membolehkan CSL men-

jadi pusat maklumat pentadbiran yang dikagumi di rantau ini," katanya.

Dr Mahathir berucap melancarkan CSL di sini hari ini. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid. CSL yang berpusat di Jabatan Perdana Menteri menyediakan dua komponen iaitu pangkalan data dan kiosk maklumat.

Pangkalan data, dikhaskan untuk pedagang dan penyelidik menyediakan maklumat 25 kementerian dan 115 jabatan. Kemudahannya termasuk menyediakan maklumat berhubung fungsi kementerian, alamat, undang-undang, peraturan, pe-

nerbitan dan akta.

Kiosk maklumat pula, yang disediakan di tempat awam, memudahkan orang ramai mengetahui prosedur berurusan dengan agensi kerajaan di samping maklumat berhubung kebajikan masyarakat seperti kesihatan, pendidikan dan pos.

Perdana Menteri berkata, sektor swasta dan awam harus mewujudkan kerjasama lebih erat bagi mengurangkan salah faham dan mengatasi kekeliruan yang boleh menjejaskan hubungan baik di antara kedua-duanya. "Maklumat yang relevan, tepat

LIHAT MUKA 2

Utamakan sistem maklumat: PM

DARI MUKA 1

dan kemas kini penting dalam menentukan kadar pertumbuhan sosio-ekonomi. Sektor swasta sebagai penggerak utama ekonomi memerlukan maklumat untuk bersaing di pasaran.

"Sebagai contoh, perangkaan ekonomi makro, ramalan dan analisis mengenai arah aliran sektor ekonomi, indikator sosial, sains dan teknologi adalah input utama yang turut membantu perancangan sektor swasta," katanya.

Menurut Dr Mahathir, dalam merangka strategi pertumbuhan ekonomi, kerajaan juga memerlukan maklumat penting daripada sektor swasta termasuk perkembangan pasaran serta maklum balas perkhidmatan.

Berikutan itu, katanya, Dasar Persyarikatan Malaysia memberi penekanan serius kepada keperluan menyebarkan maklumat terutama dari segi undang-undang, peraturan serta prosedur agensi kerajaan terbabit.